

In D'Heart Juarai Festival Kesenian Islam

oleh: Leolerry Lajius

KHAMIS, 27 Mac- Festival kesenian Islam Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu yang telah diadakan di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu menyaksikan kumpulan Nasyid Universiti Malaysia Sabah (UMS), iaitu kumpulan *In D'Heart* merangkul gelaran Juara Kategori Pertandingan Nasyid.

"Saya dan ahli kumpulan sangat berminat dalam kesenian nasyid. Disamping itu, ia melibatkan penyampaian dakwah secara berkesan, justeru dapat mengangkat nama UMS di peringkat yang lebih tinggi dalam industri nasyid tanah air", ujar saudara Mohd Mujahid Halpi yang menjadi penggerak utama bagi kumpulan *In D'Heart*.

"Kami cemburu dengan IPTA lain yang mana kelengkapan nasyid cukup sempurna. In Sya Allah, semoga ada pihak berwajib menyedari bakat dan kelebihan yang ada pada Mahasiswa UMS dalam arena nasyid. Kejuaraan kami pada hari ini didorong oleh kekuatan vocal dan komitmen ahli kumpulan. Disamping itu, Unit Kebudayaan Hal Ehwal Pelajar juga banyak memberi nasihat dan dorongan. Begitu juga dengan saudara Mohamad Juhar Harun selaku Pengerusi Kelab *In D'Heart* dan saudara Fandy Sanizan Jurup (Presiden Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi 2013/2014) dalam membantu mengatur langkah dan keperluan kami sebelum, semasa dan selepas bertanding", tambahnya lagi.

Latar belakang kumpulan Kelab Nasyid *In D'Heart* ini ditubuhkan pada tahun 2012 dengan kekuatan seramai enam orang dibawah seliaan sepenuhnya Majlis Perwakilan Pelajarsesi 2012/2013. Selain itu, kumpulan ini aktif membuat persembahan secara terbuka dalam mana-mana majlis seperti Tamu Gadang dan sebagainya. Pencapaian tertinggi kelab ini adalah Juara Pertandingan Nasyid Tradisi Festival Kesenian Islam Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu 2014.